

03/09/2001

Usaha bersepadu kesan penghasut pelajar: PM (HL)

Wan Jailani Abdul Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha bersepadu akan dilaksanakan bagi mengenal pasti golongan yang mempengaruhi pelajar universiti supaya menyertai gerakan menjatuhkan kerajaan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri memberi amaran mana-mana pensyarah dan kakitangan universiti yang dikenal pasti terbabit dalam gerakan itu akan disingkirkan.

"Kita perlu keluarkan mereka daripada universiti. Kebanyakan mereka ada kaitan dengan mereka yang sepatutnya mengajar pendidikan agama, tetapi tidak mengajar agama, sebaliknya mengajar politik.

"Kita sudah ada maklumat mengenai mereka yang terbabit dalam kegiatan itu," katanya mengulas pendedahan seorang bekas pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengenai kewujudan gerakan bawah tanah yang sistematik di universiti tempatan untuk mempengaruhi pendirian politik pelajar Melayu supaya berjuang menjatuhkan kerajaan.

Bekas pelajar itu, Wan Noor Hayati Wan Alias, 22, yang terkandas dalam pelajarannya di UTM kerana terbabit dalam gerakan bawah tanah itu mendakwa dia sendiri terpedaya dengan kumpulan itu yang berselindung di sebalik kegiatan usrah dan tamrin.

Dr Mahathir yang ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini hari ini, selepas meninjau beberapa projek pembangunan berkata, kerajaan sudah menjangka ada gerakan seperti itu yang membakar semangat pelajar untuk membenci kerajaan.

"Apabila semangat golongan muda dibakar, tak dapat tidak mereka akan mencari cara sendiri untuk mencapai matlamat dan kalau terpaksa guna cara ganas, mereka akan guna.

"Ini bahaya, kerana bila bakar semangat kononnya kerajaan sekarang tidak Islam, kafir dan dipimpin oleh dajal... ini dahsyat punya tuduhan yang tidak punya asas sama sekali," kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada parti pembangkang terbabit secara tidak langsung dalam usaha itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan tahu ramai pelajar tidak belajar, tetapi asyik berkempen untuk parti lawan.

"Ramai daripada mereka, berkempen untuk parti lawan dengan bas dan itulah yang dikhuatiri sedangkan kerajaan sudah membelanjakan banyak wang untuk pelajar belajar.

"Tetapi mereka diganggu pihak lain hingga tidak dapat belajar, sebaliknya asyik dengan kempen, demonstrasi dan sebagainya. Ini adalah kerugian bagi negara, membazirkan wang rakyat untuk kepentingan pihak tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar golongan itu menggunakan helah agama, tetapi serba salah untuk menghentikannya kerana pihak berkuasa akan dituduh tidak Islam jika bertindak.

Beliau memberi contoh, pelajar sepatutnya mengulang kaji sebelum peperiksaan, tetapi dipaksa menghadiri ceramah sehingga awal pagi menyebabkan mereka keletihan untuk mengambil peperiksaan.

Dr Mahathir mengulangi rasa kesalnya kerana perkara negatif sering membabitkan pelajar Melayu.

"Apa juga yang buruk kena pada Melayulah. Dadah pun Melayu, HIV, Aids pun Melayu, demonstrasi pelajar pun Melayu, tak belajar pun Melayu, dapat keputusan rendah pun Melayu, apa sudah jadi.

"Pencapaian mereka (sebenarnya) tidak begitu buruk. Pada zaman saya dulu, tak ramai, tetapi mereka betul-betul tekun belajar. Ini yang kita

lihat golongan yang sekarang ini sudah agak senior dalam kerajaan, mereka adalah daripada golongan yang dulu tidak ada peluang tetapi setelah merdeka, mendapat peluang dan mereka menggunakan peluang itu secukupnya," katanya.

(END)